

11 AUG 1999

Azhar-Rekod

AZHAR LINTASI GARISAN PENAMAT UNTUK PERTAMA KELILINGI DUNIA

Oleh: Nor Hammad Wariman

LANGKAWI, 11 Ogos (Bernama) -- Pelayar negara Datuk Azhar Mansor melintasi garisan penamat untuk menjadi orang pertama mengelilingi dunia secara solo mengikut laluan Timur-Barat, meliputi jarak lebih 25,000 batu nautika.

Selepas belayar pada 2 Feb, percubaan oleh Azhar ialah yang pertama untuk mengelilingi dunia dari Lautan Hindi dan berakhir di Langkawi kerana percubaan sebelumnya oleh pelayar, kebanyakannya dari Barat bermula dari Lautan Atlantik.

Pelayaran bersejarah Azhar ke garisan penamat antara kawasan jeti Star Cruise dan Pulau Intan Besar pada pukul 11.39 malam ini disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan lebih 2,000 orang yang membanjiri kawasan itu sambil berteriak "Malaysia Boleh".

Ini diikuti dengan tembakan api, membunyikan hon dan tembakan meriam air oleh kapal-kapal yang mengiringi Jalur Gemilang.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim, Panglima TUDM Lt Jen Datuk Seri Ahmad Saruji Che Rose dan pengurus besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Datuk Abdul Halil Mutalib.

Krew TUDM mengandungi 17 anggota yang menyertai misi untuk menghantar tiang layar ke Falklands bagi menggantikan tiang Jalur Gemilang yang patah juga menyaksikan lintasan itu.

Dua orang wakil dari Majlis Rekod Kelajuan Pelayaran Dunia (WSSRC) juga menyaksikan lintasan bersejarah itu dan akan mencatatkan masa rasmi lintasan itu kepada WSSRC yang berpusat di Britain.

Ketika Azhar menuju ke marina Awana Porto Malai, isterinya Sara Maria Abdullah dan ketiga-tiga anak mereka Eizaz, 13, Elliz, 9 dan Eizhan, 7, serta anggota keluarga meluru untuk menyambutnya.

Sebaik sahaja Azhar melangkah keluar, beliau menyerahkan bendera Jalur Gemilang kepada Dr Mahathir diikuti dengan penyerahan rasmi kenderaan pacuan empat roda oleh Dr Mahathir kepada Azhar.

Ini diikuti dengan nyanyian lagu Negaraku dan Malaysia Berjaya oleh 300 belia dan murid sekolah.

Terdahulu, kapal-kapal TLDM dan bot peronda polis marin mengiringi Azhar dan Jalur Gemilang ke perairan Langkawi apabila beliau berada 20 batu nautika di laut.

Perbarisan armada oleh kapal-kapal secara acara tradisi juga diadakan bagi menyambut Azhar ketika Jalur Gemilang merapati jeti.

WSSRC berpuas hati dengan pencapaian pelayar kelahiran Kangar ini yang melintasi dua kali Khatulistiwa pada 8 Feb dan 5 Ogos dan melintasi lima tanjung di selatan, iaitu:

- * Tanjung Leeuwin, Australia (3 Mac)
- * Tanjung Tasmania (14 Mac)
- * Tanjung Selatan New Zealand (19 Mac)
- * Tanjung Horn, Amerika Selatan (18 April 18); dan
- * Tanjung Harapan, Afrika Selatan pada 9 Julai.

WSSRC kemudian meminda kategori pelayarannya kepada "Pelayaran Mengelilingi Dunia Secara Solo, Dibantu (berhenti-henti) Menuju ke Timur kerana dia terpaksa singgah di Falkland baru-baru ini, apabila dilanda ribut taufan pada 12 April menyebabkan tiang layar utama Jalur Gemilang patah tiga.

Tetapi bagi Azhar kejadian itu tidak melemahkan semangatnya kerana:

"Bila masa pun saya menamatkan pelayaran ini, ia satu rekod kerana ini kali pertama usaha seperti ini dilakukan," kata Azhar sewaktu ditemui di Falkland baru-baru ini.

Masa tidak begitu membimbangkannya kerana walaupun sebelum itu dia dijadual menghabiskan pelayaran dalam masa 105 hari.

Sejak meninggalkan Langkawi pada 2 Feb, Azhar telah melalui pelbagai pengalaman yang dia turut kongsi bersama orang ramai melalui laporan hariannya ke pangkalan darat di Awana Porto Malai di sini.

Orang ramai juga telah diperkenalkan dengan beberapa perkataan Inggeris yang digunakan oleh pelayar seperti hailstorm, gale wind, cold front, knock down, headsea, doldrum, Roaring Forties dan Screaming Fifties.

Azhar berkata sokongan dan galakan oleh rakyat Malaysia telah membantu beliau berada dalam keadaan bersemangat terutama apabila kapal layarnya hampir karam dihempas ombak pada 30 Mac dan kerosakan besar yang menyebabkan tiang utama layarnya pecah tiga pada 12 April.

Dia juga mengutip panggilan kecemasan daripada seorang pelayar solo, Isabelle Autissier, yang memberitahu kapal layarnya telah karam di Selatan Pasifik dekat Antartika dan mengenai sebuah kapal menangkap yang karam di Tanjung Harapan.

Azhar juga sempat menghantar perutusan kepada Dr Mahathir pada 7 April mendoakan semoga Perdana Menteri capat sembuh semasa dirawat di hospital kerana jangkitan paru-paru.

Sebagai manusia biasa, Azhar juga melahirkan rasa rindu kepada kampung halaman dan makanan tempatan serta rindu kepada keluarga ketika pelayaran memasuki hari ke-165.

Pelayarannya terganggu pada 12 April apabila mengharungi hujan air batu di Lautan Selatan menyebabkan layar utama Jalur Gemilang pecah tiga menyebabkan dia terpaksa memperbaikinya di Falkland yang mengambil masa 31 hari.

Azhar meneruskan pelayaran dari Falkland pada 26 Mei.

Misi TUDM menerbangkan tiang layar dari Australia ke Falkland untuk membaik pulih Jalur Gemilang bagi membolehkan Azhar meneruskan perjalanan pulang sebagai satu misi bersejarah dan sukar dilupakan.

Usaha itu menjadi kenyataan dengan bantuan Kumpulan Syarikat Gapadu yang menyediakan bantuan untuk membolehkan pertukaran tiang layar utama itu dilakukan dan pertolongan syarikat ini tidak sepatutnya dilupakan.

Penerbangan TUDM berlepas dari Kuala Lumpur pada 8 Mei untuk menerbangkan tiang layar berharga RM150,000 itu dari Brisbane, Australia, ke Falkland.

Penerbangan itu mencatat sejarah kerana ia kapal terbang Hercules pertama TUDM terbang mengelilingi dunia dan membuat penerbangan sejauh 45,000 kilometer dengan mencatat masa penerbangan selama 89 jam.

-- BERNAMA

NH zb